



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
CAWANGAN KELANTAN**

**PERCUBAAN SPM
2021**

**KESUSASTERAAN MELAYU KOMUNIKATIF
KERTAS 1**

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

**SKEMA
PEMARKAHAN**

PERATURAN PEMARKAHAN

Pemberian markah berdasarkan isi dan penyampaian

(a) Isi

Markah bagi setiap isi berdasarkan peraturan pemarkahan yang ditetapkan.

- | | |
|---------------------------------------|---|
| (i) Fakta berserta huraian / contoh | 2 markah
[1+1 markah] |
| | 3 markah
[1+2 markah] |
| | 4 markah
[1+3 markah]
[2+2 markah] |
| (ii) Fakta tanpa contoh | 2 markah |
| (iii) Fakta betul, contoh salah | 2 markah |
| (iv) Huraian yang menggambarkan fakta | 2 markah |
| (v) Fakta salah, contoh betul | 0 markah |

(b) Penyampaian

- (i) Jawapan **Bahagian A** dalam bentuk **struktur / jawapan ringkas / jawapan pendek**.
Jawapan **Bahagian B** dalam bentuk **esei**.
- (ii) Menggunakan bahasa yang betul.
- (iii) Menggunakan ejaan yang betul dan lengkap.
- (iv) Soalan perbandingan, mengikut perbandingan terus, bukannya dalam bentuk yang disenaraikan.

Nota:

Penyampaian yang tidak mematuhi peraturan (b) (i) – (iv) di atas akan dipotong maksimum 2 markah bagi setiap soalan.

Bahagian A**[40 markah]**

1 Dua gaya bahasa pengulangan	Markah
(i) Asonansi Contoh : <u>Banyak</u> udang <u>banyak</u> garam / Banyak udang banyak garam (pengulangan bunyi huruf vokal a dalam baris)	[1+1]
(ii) Aliterasi Contoh : <u>Lain</u> dulang <u>lain</u> kakinya / Lain dulang lain kakinya (pengulangan bunyi huruf konsonan n dalam baris)	[1+1]
(iii) Anafora Contoh : Lain / <u>Lain</u> dulang lain kakinya, <u>Lain</u> orang lain hatinya. Banyak / <u>Banyak</u> udang banyak garam, <u>Banyak</u> orang banyak ragam.	[1+1]
(iv) Responsi Contoh : Banyak / Banyak udang <u>banyak</u> garam, Banyak orang <u>banyak</u> ragam. Lain / Lain dulang <u>lain</u> kakinya, Lain orang <u>lain</u> hatinya.	[1+1]
(v) Repitisi kata Contoh: Banyak / lain / orang	[1+1]

[Maksimum: 4 markah]**2 Empat bentuk puisi**

(i) Terdiri daripada satu rangkap / serangkap	1
(ii) Terdapat enam baris serangkap	1
(iii) Jumlah perkataan dalam setiap baris tidak sama / Jumlah perkataan dua hingga lima patah perkataan sebaris	1
(iv) Jumlah suku kata dalam setiap baris tidak sama / Jumlah suku kata antara lima hingga tiga belas suku kata sebaris	1
(v) Rima akhir a b c b b / tidak sama	1
(vi) Disampaikan secara berintonasi	1
(vii) Bentuk bebas	1

[Maksimum: 4 markah]

- 3 Dua nilai berserta contoh** **Markah**
- (i) **Nilai kesopanan** **[1+1]**
Contoh: “Hai saudaraku, diri dipanggil oleh datuk suruh masuk ke dalam!” /
Maka budak itu pun hendak bermohon pulang ke rumahnya.
- (ii) **Nilai ketaatan / kepatuhan** **[1+1]**
Contoh: “Hai saudaraku, diri dipanggil oleh datuk suruh masuk ke dalam!”
Maka kata budak itu, “Baiklah.”
- (iii) **Nilai murah hati** **[1+1]**
Contoh: Maka baginda pun memberi kurnia akan budak miskin itu sahaya
dua orang beserta pulak dengan kain dan baju serta beras padi terlalu
banyaknya...
- [Maksimum: 4 markah]**
- 4 a) Maksud teknik imbas kembali:**
Pengarang menggambarkan semula kisah yang telah berlaku melalui penceritaan
atau melalui ingatan watak. 2
- b) Contoh teknik imbas kembali:**
- (i) Tiga bulan lalu, dia isteri seorang pemimpin yang disegani. 2
- (ii) Tiga bulan dulu, dia cuma memakai pakaian rekaan pereka terkenal. 2
- [Maksimum: 4 markah]**
- 5 Dua Pengajaran**
- (i) **Ibu bapa hendaklah sentiasa menasihati anak-anak supaya anak-anak tidak mengikut kata hati.** **[1+1]**
Contoh: Sayangku Anna, tak usah mengikut hati muda.
- (ii) **Kita tidak sepatutnya terlalu mengikut kata hati.** **[1+1]**
Contoh: Sayangku Anna, tak usah mengikut hati muda.
- (iii) **Kita mestilah saling menyayangi antara ahli keluarga.** **[1+1]**
Contoh: Tak usahlah kaucampakkan kasih sayangku yang sejati kerana
mengharapkan sesuatu yang belum pasti... .
- (iv) **Kita hendaklah mempertimbangkan kata-kata nasihat daripada orang yang berpengalaman.** **[1+1]**
Contoh: Dengarlah, percayalah kata-kata ayahmu ini.
- [Maksimum: 4 markah]**

6 Sudut pandangan dan tiga contoh**Markah****Sudut pandangan orang ketiga serba tahu /****1****Sudut pandangan orang ketiga**

Contoh:

- (i) **Dia** diberikan sebuah kamar tidur di dalam **1**
- (ii) Takjub dan tercengang-cenganglah **dia** melihat kawasan istana yang begitu indah. **1**
- (iii) Keesokan harinya **dia** dibawa melihat-lihat kawasan istana, ... **1**
- (iv) Kemudian **dia** diajari cara berpakaian yang sesuai untuk berbagai-bagai majlis, ... **1**
- (v) ...serta **isteri mereka** **1**
- (vi) ...juga tatatertib jika menikmati hidangan bersama **tetamu-tetamu** lain. **1**

[Maksimum: 4 markah]**7 Dua latar tempat berserta contoh**

- (i) **Rakit** **[1+1]**
Contoh: Apabila beta sudah mati, taruhlah mayat beta di dalam **rakit** ...
- (ii) **Sungai** **[1+1]**
Contoh: Kemudian hanyutkanlah rakit yang berisi mayat beta itu di dalam **sungai**.
- (iii) **Di atas mayat** **[1+1]**
Contoh: ... dan taburlah bunga cempaka serta bunga angkana **di atas mayat** beta itu.

[Maksimum: 4 markah]**8 Dua saranan watak Mr. Blackway**

- (i) Blackway sepatutnya tidak memandang rendah terhadap pekerjaan orang lain. **2**
- (ii) Blackway sepatutnya tidak berbangga dengan pangkat dan jawatan yang dimiliki. **2**
- (iii) Blackway sepatutnya tidak mempergunakan kedudukan orang lain untuk kepentingan diri. **2**
- (iv) Blackway sepatutnya bercakap secara bersopan-santun. **2**

[Maksimum: 4 markah]

9 Satu unsur keagamaan**Markah**

- (i) **Tokoh-tokoh atau ilmuan Islam.** [2+2]
Huraian: Tuan Guru Haji Hashim adalah tuan guru kepada anak muda di Pondok Pasir Tumbuh, Kelantan. / Ibn al-Fakah dari Hamdani adalah penulis kitab yang dibaca oleh anak muda. / Mas'udi dan Ibn Said adalah penulis kitab pada awal Masihi ke-900, anak muda mengkhatami kitab-kitab mereka.
- (ii) **Pusat Pengajian Agama / Pondok Pengajian Agama / Institusi Pengajian berunsur Keagamaan** [2+2]
Huraian: Anak muda pernah menuntut ilmu agama di Pondok Pasir Tumbuh, Kelantan. / Kota Sibolga dikenali sebagai dataran sufi / pusat pengajian agama iaitu tempat berkumpulnya tokoh-tokoh keagamaan.
- (iii) **Kitab-kitab berunsur Keagamaan.** [2+2]
Huraian: Terdapat kitab-kitab karangan Ibn al-Fakih dari Hamadan dan kitab-kitab yang ditulis oleh Mas'udi dan Ibn Said pada awal Masihi ke-900.

[Maksimum: 4 markah]**10 Satu ciri kepimpinan**

- (i) **Menepati masa apabila berjanji.** [2+2]
Huraian: Jeneral sebagai bekas tentera berpangkat tinggi telah dilatih untuk menepati masa dan tiba lebih awal daripada masa yang ditetapkan oleh Tuan Wakil.
- (ii) **Bersikap amanah dalam menunaikan tanggungjawab.** [2+2]
Huraian: Jeneral tidak bercadang untuk menggunakan pistol yang dimilikinya walaupun sebagai bekas tentera berpangkat tinggi dia diberi keistimewaan untuk memilikinya.
- (iii) **Bijak dalam menangani situasi.** [2+2]
Huraian: Jeneral tidak memikirkan untuk menggunakan pistol itu lagi, tetapi menyimpannya kerana diberi keistimewaan oleh pemerintah.

[Maksimum: 4 markah]

Bahagian B**(60 markah)****Pilih 3 Daripada 6 Soalan**

11 (a) Maksud rangkap kedua :	Markah
(i) Kebanyakan orang hanya tahu meminta bantuan	1
(ii) atau pertolongan daripada orang lain	1
(iii) atau hanya berdoa semata-mata kepada Tuhan	1
(iv) atau hanya tahu menyusahkan ibu bapa	1
(v) Orang sebegini disamakan seperti anak kecil yang masih menyusu	1

[Maksimum: 4 markah]**(b) Empat bentuk :**

- | | |
|--|--------------|
| (i) Ada rangkap / berangkap
Contoh : Terdiri daripada tiga rangkap | [1+1] |
| (ii) Bilangan / jumlah baris dalam setiap rangkap tidak sama
Contoh : Lima hingga sebelas baris serangkap | [1+1] |
| (iii) Bilangan / jumlah perkataan dalam setiap baris tidak sama
Contoh : Empat hingga tujuh patah perkataan sebaris | [1+1] |
| (iv) Bilangan / jumlah suku kata sebaris tidak sama
Contoh : Sepuluh hingga enam belas suku kata sebaris | [1+1] |
| (v) Rima akhir setiap rangkap tidak sama
Contoh : Rangkap 1: aaaaa
Rangkap 2: aaaaa
Rangkap 3: aaabbccccc | [1+1] |
| (vi) Setiap baris mempunyai maksud
Contoh : Banyak orang berangan-angan tinggi,
Ingin mencapai itu dan ini, /
Tetapi tak mahu bersusah diri,
Untuk menyampaikan cita-cita pujaan hati
Mereka suka minta tolong, minta beri. | [1+1] |
| (vii) Puisi ini bentuk bebas
Contoh : Rima akhirnya tidak sama /
Bilangan baris serangkap tidak sama/
Bilangan perkataan sebaris adalah tidak sama/
Bilangan sukukata sebaris adalah tidak sama | [1+1] |

[Maksimum: 8 markah]

(c) Penciptaan seloka bertema ketekunan:	Markah
(i) Tema	2
(ii) Bentuk	2
(iii) Bahasa	2
(iv) Kreativiti	2

[Maksimum: 8 markah]

Nota :

1. Calon mencipta seloka kurang daripada lapan baris, berikan 6 markah maksimum.
2. Calon tidak menulis tajuk seloka, tolak 1 markah kreativiti.
3. Calon mencipta seloka lebih daripada dua belas baris, periksa seperti biasa.
4. Seloka yang tidak menepati tema, berikan 0 markah tema.

12 (a) Tema:

Jalanan hubungan diplomatik antara sebuah negara dengan negara yang lain. **[2+2]**

Contoh : Hang Tuah dititahkan oleh raja Melaka untuk diutus ke Siam bagi membeli enam ekor gajah.

[Maksimum: 4 markah]

(b) Dua ciri Sastera Epik:

(i) Mempunyai latar tempat yang luas **[2+2]**

Contoh: Latar negeri Melaka dan Siam / Hang Tuah dari Melaka ke Benua Siam untuk membeli 6 ekor gajah daripada raja Siam.

(ii) Mempunyai unsur luar biasa / kesaktian. **[2+2]**

Contoh : Laksamana menggunakan ilmu batinnya dengan membaca pustaka menyebabkan bedil tentera Jepun dan Kemboja tidak meletup / pedang tentera Jepun jatuh dari tangan dengan sendirinya.

(iii) Ada unsur peperangan. **[2+2]**

Contoh : Peperangan antara pasukan Laksamana Hang Tuah dengan tentera Jepun dan Kemboja dalam perjalanan pulang ke Melaka.

(iv) Ada unsur pengembaraan. **[2+2]**

Contoh : Hang Tuah ke negara Siam untuk membeli empat ekor gajah.

(v) Watak adalah tokoh lagenda. **[2+2]**

Contoh: Laksamana Hang Tuah dianggap lagenda orang Melayu.

[Maksimum: 8 markah]

- | (c) Dua keistimewaan watak Hang Tuah : | Markah |
|--|---------------|
| (i) Menjaga dan mengekalkan adat Melayu
Contoh : Hang Tuah berjaya memujuk Phra Cau dengan tipu muslihat supaya menerima adat kunjungan hormat mengikut adat Melayu. | [2+2] |
| (ii) Ketaatan kepada raja dan pemerintah
Contoh : Hang Tuah taat setia kepada Sultan Melaka dan sanggup menerima perintah ke Siam untuk membeli gajah. | [2+2] |
| (iii) Menjaga nama baik dan martabat negara
Contoh : Hang Tuah menunjukkan kehebatan pahlawan Melayu dengan mengalahkan Cin Cu dan pendekar-pendekar Jepun. | [2+2] |
| (iv) Menjalinkan hubungan diplomatik yang berkesan
Contoh : Hang Tuah berjaya dalam misi membeli gajah di Siam dengan menggunakan pelbagai kehebatan, kemahiran dan keistimewaan yang ada padanya. | [2+2] |

[Maksimum: 8 markah]

13 (a) Nada

Nada yang terdapat dalam sajak tersebut ialah patriotik 2

Contoh:

Kita berfikir tentang sejuta mimpi 2
yang tumbuh rendang
dari lena dari tidur dari sepi malam /

mari kita himpunkan angannya 2
menjadi mentari pagi.

Kita menyulam sejuta jiwa 2
yang bergetar dalam riak rasa berbeza
menjadi sebuah lagu cinta /

lirik perpaduan seni senegara 2
rentak fikir bersama berpadu/

inilah muzik satu hati sejiwa 2
rumpun pelbagai bangsa satu bahasa
berlagu senada menari langkah sekata /

Kita menghulur jemari hati 2
menghantar pesan seloka
mengirim diksi dari langit /

mantera dari rumpun Melayu air mawar dari sumur nusantara satukan menjadi jamu cinta /	2
kita santap dalam pentas terbuka di anjung pelbagai sejuta budaya duduk-duduk berlamalah di sini sambil mengayam citra pelangi di wajah 1 Malaysia /	2
kelak kita menjadi lebih faham perluanya berfikir dan bertindak dalam bersatu /	2
berbeza dan berselisih itu boleh tetapi kemudian bersatu tanah air kita tiada dua hanya satu. /	2

[Maksimum: 6 markah]

(b) Empat gaya bahasa

- (i) **Asonansi** [1+1]
Contoh: mengirim diksi dari langit/
mengirim diksi dari langit
(pengulangan bunyi huruf vokal i dalam baris)
- (ii) **Aliterasi** [1+1]
Contoh: kita santap dalam pentas turbuka/
kita santap dalam pentas terbuka
(pengulangan bunyi huruf konsonan t dalam baris)
- (iii) **Kata ganda.** [1+1]
Contoh: duduk-duduk
- (iv) **Repitisi kata.** [1+1]
Contoh: dari / dari lena dari tidur dari sepi malam
- (v) **Responsi.** [1+1]
Contoh: dari / satu/

mantera dari rumpun Melayu
air mawar dari sumur nusantara/

inilah muzik satu hati sejiwa
rumpun pelbagai bangsa satu Bahasa
- (vi) **Sinkope** [1+1]
Contoh: Mentari

(vii) Metafora**[1+1]**

Contoh: jamu cinta /
pentas terbuka /
sumur Nusantara

(viii) Hiperbola**[1+1]**

Contoh: Kita berfikir tentang sejuta mimpi /
Kita menyulam sejuta jiwa /
mengirim diksi dari langit /
di anjung pelbagai sejuta budaya /

(ix) Inversi**[1+1]**

Contoh: kelak kita menjadi lebih faham /
tetapi kemudian bersatu

[Maksimum: 6 markah]**(c) Pengkaryaan (Penciptaan sajak bertemakan semangat patriotik)**

- | | |
|-----------------|---|
| (i) Tema | 2 |
| (ii) Bentuk | 2 |
| (iii) Bahasa | 2 |
| (iv) Kreativiti | 2 |

[Maksimum: 8 markah]**Nota:**

1. Calon yang mencipta sajak, jumlah barisnya kurang daripada dua belas baris, berikan 6 markah maksimum.
2. Calon tidak menulis tajuk sajak, tolak 1 markah kreativiti.
3. Calon yang mencipta sajak, jumlah barisnya lebih daripada lima belas baris, periksa seperti biasa.
4. Sajak yang tidak menepati tema, berikan 0 markah tema.

- 14 (a) Satu persoalan:** **Markah**
- (i) **Pengaruh budaya Barat dalam kalangan masyarakat.** **[2+2]**
Huraian: Dol dari segi penampilan diri bergaya mengikut cara Barat seperti memakai subang pada satu telinga sahaja.
- (ii) **Hormat-menghormati dalam kalangan masyarakat.** **[2+2]**
Huraian: Aku tetap menerima kedatangan Dol yang dibawa oleh Daiman Kreko ke studionya walaupun pada awalnya Daiman Kreko bercadang untuk datang seorang sahaja.
- (iii) **Menjadikan artis sebagai pujaan / idola.** **[2+2]**
Huraian: Dol adalah penyanyi rock dari kumpulan Mad Dog yang terkenal dan amat banyak peminat dan pemujanya di seluruh negara.
- (iv) **Menepati janji dalam kehidupan.** **[2+2]**
Huraian: Daiman Kreko menepati janjinya kepada Aku untuk datang berkarya di studio Aku.
- (v) **Ketabahan menghadapi cabaran dan dugaan.** **[2+2]**
Huraian: Walaupun sukar untuk menggambarkan diri Dol dalam bentuk lukisan dan tulisan, akhirnya Aku dan Daiman Kreko berjaya menghasilkan karya mereka iaitu 00000000000.
- (vi) **Pandai menjaga hati orang lain.** **[2+2]**
Huraian: Aku kurang senang untuk melukis kerana baginya tiada yang menarik dalam diri Dol, tetapi untuk menjaga hati Dol dan Daiman Kreko yang bersusah payah membawa Dol, akhirnya Aku melukis imej Dol.

[Maksimum: 4 markah]

(b) Dua pandangan anda terhadap perwatakan Dol

- (i) **Dol tidak mengikut hukum agama** **[2+2]**
Huraian: Dol memakai rantai gila di leher dan berseluar koyak yang menonjolkan daging-daging khas / punggung.
- (ii) **Dol menunjukkan perlakuan tidak sopan.** **[2+2]**
Huraian: Cara persembahan nyanyian Dol menyerupai loncatan kukang.
- (iii) **Dol tidak bersahsiah** **[2+2]**
Huraian: Dol mempamerkan bulu ketiak dan bulu dadanya.
- (iv) **Dol tidak menjaga kekemasan diri** **[2+2]**
Huraian: Dol memperlihatkan bulu ketiak dan bulu dada serta berseluar koyak.

[Maksimum: 8 markah]

(c) Pengkaryaan (Adaptasi cerpen kepada sajak)	Markah
(i) Idea / Isi	2
(ii) Bentuk	2
(iii) Bahasa	2
(iv) Kreativiti	2

[Maksimum: 8 markah]

Nota

1. Calon yang mencipta sajak, jumlah barisnya kurang daripada dua belas baris, berikan 6 markah maksimum.
2. Calon tidak menulis tajuk sajak, tolak 1 markah kreativiti.
3. Calon yang mencipta sajak, jumlah barisnya lebih daripada lima belas baris, periksa seperti biasa.
4. Sajak yang tidak menepati isi cerita, berikan 0 markah isi.

15 (a) Dua perwatakan Zaki

- (i) Seorang yang penyayang terhadap ibunya.** **[1+2]**

Huraian: Zaki ingin memberi sebanyak-banyak mungkin kebahagiaan kepada sisa-sisa umur ibunya dengan cara meminta Dr Chan mengubati mata ibunya.

- (ii) Seorang yang bertanggungjawab terhadap ibunya.** **[1+2]**

Huraian: Zaki bertanggungjawab meminta Dr Chan mengubati mata Mak Munah yang hampir buta.

- (iii) Seorang yang penyabar.** **[1+2]**

Huraian: Zaki bersabar dengan karenah Anna yang cemburu dengan ibunya Mak Munah dan pentingkan diri sendiri.

- (iv) Seorang yang berpendidikan tinggi.** **[1+2]**

Huraian: Zaki seorang lulusan jurusan sejarah dari Universiti Cambridge.

- (v) Seorang yang bertolak ansur dalam rumahtangga.** **[1+2]**

Huraian: Zaki sentiasa berlembut dan bertolak ansur dengan Anna walaupun Anna sentiasa cemburu terhadap ibunya Mak Munah.

[Maksimum: 6 markah]

- | (b) Dua isu pertentangan budaya | Markah |
|--|---------------|
| (i) Budaya Timur anak lelaki mendahulukan ibu.
Huraian: Anna tidak memahami budaya hidup Zaki yang perlu mendahulukan ibunya dalam kehidupan. | [1+2] |
| (ii) Budaya Timur kesetiaan anak kepada ibu.
Huraian: Anna menganggap Zaki terlalu cinta dan setia kepada ibunya sehingga terasa disisihkan / diketepikan. | [1+2] |
| (iii) Budaya Timur mengamalkan falsafah hidup berkerjasama dan bergotong-royong.
Huraian: Menurut Thomas Carpenter masyarakat Timur hidup saling berkerjasama dan bergotong-royong dalam kehidupan mereka. | [1+2] |
| (iv) Budaya Barat mengamalkan hidup sendiri-sendiri.
Huraian: Thomas Carpenter menyatakan bangsa mereka hidup atas kekuatan sendiri-sendiri. | [1+2] |
| (v) Budaya Timur iaitu budaya bencikan penjajah.
Huraian: Mengikut Thomas Carpenter, Ibu Anna menjadi korban kekejaman komunis kerana berkahwin dengannya yang berbangsa Inggeris. | [1+2] |
| (vi) Budaya Barat iaitu isteri mahukan kebebasan.
Huraian: Anna meminta Zaki melepaskannya kerana menganggap hidup seperti dalam penjara selama berkahwin dengan Zaki selama empat tahun. | [1+2] |

[Maksimum: 6 markah]

(c) Pengkaryaan / Cipta enam dialog

- | | |
|-----------------|---|
| (i) Idea / Isi | 2 |
| (ii) Teknik | 2 |
| (iii) Bahasa | 2 |
| (iv) Kreativiti | 2 |

[maksimum: 8 markah]

Nota:

1. Isi yang ada kesinambungan dengan drama asal, berikan 0 markah untuk idea / isi.
2. Jika calon menulis kurang daripada enam dialog, markah maksimum 4.
3. Jika jumlah markah isi, teknik dan gaya bahasa ialah 6 markah, berikan 2 markah kreativiti.

16 (a) Dua nilai murni**Markah****(i) Nilai kegigihan****[1+1]**

Huraian: Lelaki tua tetap gigih menggali kolam untuk mendapatkan air biarpun hingga seratus kaki. / Lelaki tua rajin berusaha menggali kolam, mencari dan mengumpul kayu api, memagar kolam, membumbung dapur dan berulang-alik mengangkut air laut.

(ii) Nilai kesabaran.**[1+1]**

Huraian: Lelaki tua sabar menunggu air laut disulingkan bagi mendapatkan air bersih.

(iii) Nilai kebijaksanaan.**[1+1]**

Huraian: Lelaki tua menggunakan kaedah memanaskan air laut dan penyulingan hingga menjadi wap air lalu titisan air masuk kedalam tongnya bagi mendapatkan air bersih.

(iv) Nilai berpandangan jauh**[1+1]**

Huraian: Lelaki tua menjangkakan kemarau berpanjangan lalu dia berazam untuk memenuhkan tujuh tong air.

(v) Nilai berjimat cermat.**[1+1]**

Huraian: Orang Tua meminum air seteguk dua saja untuk berjimat.

(vi) Nilai rasional.**[1+1]**

Huraian: Orang Tua berfikiran rasional dengan meletakkan bumbung sekitar kolam untuk mengelakkan air cepat tersejat. / mengelakkan daripada panas pancaran matahari semasa menggali kolam.

[Maksimum: 4 markah]**(b) Dua Saranan****(i) Presiden sepatutnya memastikan kepingan aisberg sampai dan diterima oleh setiap rakyat seperti yang dijanjikan.****[2+2]**

Huraian: Dalam ucapannya, Presiden memuji usaha beraninya membawa balik aisberg dan menganggap kemarau hanyalah istilah serta menyatakan kerongkong dan kehidupan Ogonshoto akan dibasahi dan dibanjiri ais dingin kutub Selatan, namun rakyat tidak mendapat ais tersebut.

- (ii) Presiden sepatutnya bijak menguruskan kawasan tadahan hujan untuk kegunaan masa kemarau. [2+2]**

Huraian : Mengikut wartawan Japan News Network, Ogonshoto tidak perlu mengeluarkan biaya tinggi untuk menarik aisberg jika pemimpin bijak menguruskan alam sekitar terutama kawasan tadahannya.

- (iii) Presiden sepatutnya mencari alternatif lain untuk bekalan air pada musim kemarau. [2+2]**

Huraian : Presiden sepatutnya meniru usaha seorang lelaki tua yang gigih menggali kolam / menyuling air laut untuk mengatasi masalah kekurangan air pada musim kemarau.

- (iv) Presiden sepatutnya mengambil tindakan undang-undang terhadap pemusnah kawasan tadahan hujan. [2+2]**

Huraian: Presiden tidak mengambil tindakan terhadap rakan-rakan bisnesnya yang telah memusnahkan kawasan tadahan hujan sebaliknya memberi kontrak menarik aisberg untuk mengatasi kemarau kepada mereka.

[Maksimum : 8 markah]

(c) Pengkaryaan

- | | |
|-----------------|---|
| (i) Idea / Isi | 2 |
| (ii) Teknik | 2 |
| (iii) Bahasa | 2 |
| (iv) Kreativiti | 2 |

[Maksimum : 8 markah]

Nota:

1. Calon mengemukakan satu teknik plot / penceritaan, maksimum 1 markah untuk teknik.
2. Jika calon menghasilkan karya kurang daripada 80 patah perkataan, maksimum 1 markah untuk isi.

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT